

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrain Shah [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan pada tahun 2003 dan 2013, apakah statistik peratusan rakyat Malaysia mengikut keturunan bangsa Melayu, Cina dan India?

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2003, bilangan penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah 25.35 juta orang, meningkat kepada 30.21 juta orang pada tahun 2013.

Peratusan rakyat Malaysia (warganegara) mengikut kumpulan etnik pada tahun 2003, mencatatkan Melayu sebanyak 53.7 % (12.53 juta orang), Bumiputera Lain 11.9 % (2.77 juta orang), Cina 25.7 % (5.99 juta orang), India 7.6 % (1.77 juta orang) dan 1.2 % (1.69 juta orang) Etnik Lain-lain.

Manakala pada tahun 2013, peratusan rakyat Malaysia mengikut kumpulan etnik mencatatkan Melayu sebanyak 55.0 % (15.02 juta orang), Bumiputera Lain 12.9 % (3.53 juta orang), Cina 24.0 % (6.55 juta orang), India 7.2 % (1.96 juta orang) dan 0.9 % (2.89 juta orang) Etnik Lain-lain.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 31

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) keberkesanan penguatkuasaan Undang-Undang Baru Kesalahan Jalan Raya seperti penggunaan tali pinggang keledar, merokok sambil memandu serta penggunaan telefon bimbit ketika memandu; dan
- (b) setakat manakah keberkesanan Sistem AES (*Automated Enforcement System*) dan adakah AES ini akan dipanjangkan ke negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada 2014 di Semenanjung Malaysia, tahap pemakaian tali pinggang keledar keselamatan melibatkan pemandu kenderaan adalah sebanyak 81.7%, penumpang hadapan sebanyak 68.1% dan 8.6% melibatkan penumpang belakang. Sekiranya dibandingkan dengan kajian pada tahun 2010, tahap pemakaian tali pinggang keledar keselamatan didapati menurun sebanyak 5.3% untuk pemandu, 8.8% untuk penumpang hadapan, dan 11.3% untuk penumpang belakang. Walau bagaimanapun, pemantauan sebelum dan semasa OPS Hari Raya Aidilfitri tahun 2015, diadapati tahap pemakaian tali pinggang keledar keselamatan meningkat dengan kadar 2.4% bagi pemandu kenderaan, 5.7% bagi penumpang hadapan dan 5.2% bagi penumpang belakang.

Berdasarkan rekod penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula, didapati 4,367 kes kesalahan penggunaan telefon bimbit semasa memandu telah dikesan pada tahun 2013 dan meningkat kepada 4,548 kes pada tahun 2014 iaitu meningkat sebanyak 4.2%. Bagi kes kesalahan merokok yang dikuatkuasakan terhadap pemandu kenderaan perkhidmatan awam, sebanyak 562 kes telah dikesan pada tahun 2013 dan meningkat kepada 930 kes pada tahun 2014 dengan peningkatan sebanyak 66%. Walaupun terdapat peningkatan bagi kesalahan-kesalahan tersebut, namun Kementerian ini melalui JPJ komited untuk meneruskan

penguatkuasaan bagi memastikan mana-mana orang yang melakukan kesalahan diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung keberkesanan AES, berdasarkan analisis yang dijalankan oleh MIROS terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaan AES di lokasi-lokasi pemasangan kamera telah menurun daripada 19 kes bagi 8 bulan sebelum pelaksanaan kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan. Kajian MIROS juga menunjukkan secara purata, kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES telah meningkat kepada 91% berbanding 63% sebelum pelaksanaannya.

Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, mengambilkira senario-senario tersebut, Kerajaan yakin sekiranya AES dilaksanakan di seluruh negara, kadar pematuhan terhadap peraturan lalu lintas akan meningkat dan sekaligus dapat mengurangkan insiden kemalangan maut. Perluasan pelaksanaan AES kelak akan turut melibatkan lokasi kawasan kerap kemalangan di Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 32

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan dan perlu di ambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memperolehi dan/atau kelulusan ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mewujudkan suatu Tribunal Antarabangsa untuk menyiasat penembakan jatuh pesawat awam MH17 setelah ianya di veto oleh Rusia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk memperolehi dan/atau kelulusan ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semula setelah resolusi penubuhan tribunal terdahulu telah diveto oleh pihak Rusia.

Namun begitu, Malaysia bersama-sama negara yang diwakili dalam *Joint Investigation Team* (JIT) iaitu Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine masih meneruskan usaha dan perbincangan untuk mengenalpasti pelan alternatif pendakwaan yang terbaik bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan termasuklah pendakwaan di peringkat nasional dan penubuhan tribunal melalui triti antarabangsa. Dua siri mesyuarat telah diadakan bersama-sama negara yang diwakili dalam JIT iaitu secara *video conferencing* pada 24 Ogos 2015 dan di Canberra, Australia pada 21 dan 22 September 2015 bagi membincangkan dengan lebih teliti pelan alternatif pendakwaan tersebut.

Selain daripada itu, YAB Perdana Menteri bersama-sama Ketua-Ketua Negara yang diwakili dalam JIT turut mengadakan mesyuarat pada 29 September 2015 di New York bagi membincangkan kesepakatan negara-negara yang diwakili dalam JIT untuk mendapatkan keadilan dan seterusnya mendakwa pihak yang bertanggungjawab dalam jenayah ini.